

29 AUG 1996

ASIAN WALL STREET JOURNAL KINI BOLEH DIDAPATI DI LABUAN PADA HARI YANG SAMA

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Akhbar dunia perniagaan "Asian Wall Street Journal (AWSJ)" bermula hari ini boleh didapati di Labuan pada hari yang sama ia dicetak di Kuala Lumpur.

Kemudahan untuk mencetak di Kuala Lumpur membolehkan akhbar itu diedarkan di Labuan pada hari yang sama, kata Pengarah Urusan Asian Wall Street Journal, William Adamopolous, dalam satu kenyataan hari ini.

Sebelum ini, para pelabur di Labuan menerima naskah akhbar perniagaan yang dicetak pada setiap hari kerja melalui pos. Akhbar itu merupakan akhbar serantau yang pertama untuk dicetak di sini sejak Mac lepas oleh Papyrus Sdn. Bhd.

Perkhidmatan baru ini adalah selaras dengan pembukaan pejabat Pusat Kewangan Labuan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Naskah-naskah akhbar itu boleh didapati di Pejabat Pusat Kewangan Labuan, kompleks kediaman dan di bandar Labuan. Buat masa ini, penghantaran pada hari yang sama boleh didapati di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Pulau Pinang, Butterworth, Johor Baru, Kota Kinabalu dan Kuching. -- BERNAMA

RMI PR